



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 14 MAC 2022

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	RM1 BILION BANTU PETANI TERJEJAS, PERIKATAN NASIONAL,HARAKAH-H14 MAFI MAHU KEDAH KEKAL SEBAGAI JELAPANG PADI NEGARA, NEGERI, HARAKAH-H18 KONFLIK RUSIA-UKRAINE : MALAYSIA CARI BEKALAN BAJA NEGARA PENGELUAR LAIN, UM-ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN MALAYSIA (MAFI)
4. 5.	RM3.39 MILLION SALES FROM MY RAKYAT PROGRAMME, NEWS, NEW SUNDAY TRIBUNE-17 KOPI TERANG BULAN MULA "TAWAN" DUNIA, EKONOMI, UM-37	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
6.	MKN DICADANG AMBIL ALIH SEBAHAGIAN TANAH LKIM DI BUKIT MALUT, HM-ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
7.	AGROBANK, UITM METERAI PERJANJIAN, EKONOMI, UM-34	AGROBANK
8. 9. 10. 11. 12.	DLMI LANTIK SEB BINA KILANG TENUSU BAHARU, BISNES, HM-25 SUKAR KESAN SIAPA PEMILIK HAIWAN, NEGARA, KOSMO-14 ENAM DISYAKI TANGKAP SIPUT RETAK SERIBU DITAHAN, NASIONAL,BH-21 HASIL HARUMANIS MEROSOT TAHUN INI, DALAM NEGERI,UM-30 KONFLIK RUSSIA-UKRAINE BERI IMPAK BESAR KOMODITI, BH-ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

14/8/2022

HARAKAH

PERIKATAN
NASIONAL

H14

RM1 bilion bantu petani terjejas

SUNGAI BALANG: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menerima peruntukan hampir RM1 bilion melalui beberapa pakej bantuan untuk disalurkan bagi membantu petani yang terjejas akibat pandemik Covid-19.

Menterinya Dato' Seri Dr. Ronald Khande berkata, peruntukan itu bagi melaksanakan pelbagai bentuk dana dan pakej rangsangan ekonomi sepanjang dua tahun lalu.

Katanya usaha tersebut bagi membantu meringankan beban rakyat yang terjejas teruk.

Antara pakej bantuan yang disalurkan iaitu Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (Priha-

tin), Penjana dan Dana Jaminan Makanan yang disalurkan melalui pelbagai agensi dan jabatan di bawah MAFI.

"Dana Khas Persatuan Nelayan di bawah Prihatin antara RM100,000 hingga RM200,000 diberikan kepada setiap Persatuan Nelayan Kawasan (PNK).

"Kerajaan tidak pernah mengabaikan golongan nelayan yang merupakan antara barisan hadapan sektor agromakanan dalam memastikan kelangsungan bekalan makanan negara," katanya pada Program Jelajah Dialog Industri Makanan 2022 (DIA2022) di sini baru-baru ini.

Menurutnya, bantuan dan so-

ongan akan terus diberi kepada pengeluaran makanan termasuk golongan nelayan dan penternak akuakultur.

Selain itu katanya, Elaun Sara Hidup Nelayan dinaikkan daripada RM250 kepada RM300 sebulan untuk nelayan laut.

"Manakala, Elaun Sara Hidup Nelayan Darat pula dinaikkan daripada RM200 kepada RM250 sebulan," katanya.

Kata beliau sektor perikanan dan akuakultur merupakan antara subsektor agromakanan yang diberikan penekanan dalam Desas Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0).

Katanya juga subsektor peri-



Dr Ronald Khande menyampaikan insentif pertanian kepada petani.

ikanan dan akuakultur dinajur akan menyumbang kepada KDNK daripada RM12.81 bilion pada tahun 2021 kepada RM16.72 bilion pada tahun 2030.

"Subsektor tersebut dijangka menyumbang kira-kira 21 peratus hingga 24 peratus kepada jumlah KDNK sektor agromakanan dari tahun 2021 hingga 2030.

"MAFI terus komited untuk

memastikan subsektor perikanan dan akuakultur diuruskan secara mampan supaya dapat meningkatkan stok ikan sedia ada," ujarnya.

Beliau juga berkata, langkah tersebut bagi menjamin bekalan pasaran yang berterusan dan memastikan pendapatan pengeluaran makanan subsektor perikanan dan akuakultur dapat dipertingkatkan," katanya. -SabahMedia

MAFI mahu Kedah kekal sebagai Jelapang Padi negara

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sangat komited untuk mengekalkan Kedah sebagai Jelapang Padi utama negara bagi menyokong agenda Sekuriti Makanan Negara.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata kawasan jelapang padi di Kedah akan terus diberi perhatian oleh Kerajaan Persekutuan, terutama bagi meningkatkan pendapatan petani yang rata-rata berada dalam golongan B40.

Katanya, MAFI juga berpandangan bahawa pengkalan kawasan penanaman padi amat penting bagi memastikan jaminan bekalan makanan negara yang mencukupi, terutama dalam tempoh pandemik Covid-19.

"Pada masa sama, MAFI berharap kerajaan negeri terus memberi komitmen untuk mengekalkan kawasan tanaman padi sedia ada bagi memenuhi keperluan makanan rui serta sekuriti makanan rakyat

Malaysia," katanya menjawab soalan lisan Ahmad Tarmizi Sulaiman (PAS-Sik) di Dewan Rakyat.

Ahmad Tarmizi meminta MAFI menyatakan langkah untuk mempertingkatkan imbuhan atau pampasan kepada negeri yang menjadi pengeluar utama padi negara kerana negeri terbabit kehilangan perolehan hasil negeri dalam bentuk percukaian serta ta-nah tidak dapat dimajukan dengan pembangunan komersial.

Timbalan Menteri berkata, MAFI mengambil maklum bertubung cadangan insentif fiskal untuk mengekalkan kawasan tanaman padi di negeri pengeluar padi utama negara, terutama Kedah seperti yang dibangkitkan MP Sik.

Bagi menyokong agenda Sekuriti Makanan Negara, Ahmad berkata pelbagai bentuk subsidi dan bantuan diberikan oleh Kerajaan Persekutuan dalam bentuk input dan output pertanian, pembinaan infrastruktur baru dan menaik taraf infrastruktur pengairan sedia ada.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/3/2022	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

KONFLIK RUSIA-UKRAINE: MALAYSIA CARI BEKALAN BAJA NEGARA PENGELUAR LAIN

Oleh BADRUL HAFIZAN MAT ISA

13 Mac 2022, 7:39 pm



HASLINA Abdul Hamid ditemui pemberita pada Majlis Perasmian Penutup Program Kecemerlangan dan Kecergasan Anggota Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Tahun 2022 di Nilai, Seremban hari ini.

SEREMBAN: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani kini giat mendapatkan sumber bahan mentah termasuk input-input pertanian daripada beberapa buah negara lain susulan peperangan berterusan antara Rusia dan Ukraine ketika ini.

Ketua Setiausahaanya, Datuk Haslina Abdul Hamid menjelaskan, negara sememangnya ada mengimport bahan input pertanian seperti baja dari kedua buah negara tersebut yang diketahui antara negara pengeluar utama di dunia bagi bahan tersebut.

Bagaimanapun, jelas beliau, konflik yang tercetus tersebut setakat ini belum memberikan implikasi yang besar dalam sektor pertanian negara.

“Memang kita mengimport bahan mentah dari sana seperti input pertanian, baja sebagai contoh tetapi kita giat usaha untuk dapatkan dan bawa masuk dari negara-negara lain.

“Sebelum berlaku peperangan, kita juga sudah uruskan untuk membawa masuk sebahagian besar. Sebulan dua ini tidak ada lagi masalah, cuma sedang lihat dari negara-negara lain yang juga jadi pengeluar utama, selain Ukraine dan Rusia,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyempurnakan Majlis Perasmian Penutup Program Kecemerlangan dan Kecergasan Anggota Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Tahun 2022 di Nilai di sini hari ini.

Sementara itu, kata Haslina, situasi pergolakan negara-negara terlibat ketika ini juga sedikit sebanyak turut memberi kesan kepada harga makanan ternakan di pasaran dunia.

“(Kenaikan harga) dedak itu lumrah, ia bergantung kepada harga pasaran dunia, sekarang ini dengan keadaan semasa ia terjejas sedikit. Bagaimanapun setakat ini belum memberi implikasi yang tinggi dan kita sentiasa pastikan keadaan itu dalam kawalan.

“Kita juga cuba cari pilihan negara sumber yang lain dan juga sedang mempergiat usaha-usaha dalaman dalam negara untuk kita atasi masalah-masalah yang kita hadapi,” katanya.

Hari ini media melaporkan konflik berterusan antara Rusia dan Ukraine telah menyebabkan harga komoditi di seluruh dunia melonjak di tengah-tengah kebimbangan dan reaksi mendadak terhadap kemungkinan kejatuhan dari segi bekalan.

Ini kerana, kedua-dua negara adalah pengeluar utama, antara lain, minyak bunga matahari, gandum dan jagung.

Bekalan baja turut dibimbangi terganggu akibat konflik kerana kedua-dua negara juga pengeksport baja utama. – UTUSAN



13 MAR, 2022

RM3.39 million sales from My Rakyat programme

New Sunday Tribune, Malaysia

Page 1 of 2

ECONOMY 17

RM3.39 million sales from My Rakyat programme

BINTANGOR: The My Rakyat programme sales reached RM3.39 million last year.

The Sarawak Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) Office said in a statement that 4,736 entrepreneurs in 146 locations nationwide took part in the programme.

It said this year, FAMA targeted sales of RM3.5 million from entrepreneurs in 152 locations nationwide.

Meanwhile, Meradong state assemblyman Datuk Ding Koug Hing yesterday officiated at the Meradong district level programme here.

Agricultural products and food

produced by local entrepreneurs have been selected to attract visitors at the My Rakyat programme this time.

Among the activities during the two-day programme are Happy Hour Sales, Malaysian Family Sales, Fresh Product Sales, Agro-Based Industry and others.

There will also be promotions and demonstrations of the local entrepreneurs' products for the public.

The My Rakyat programme is a programme implemented by FAMA with the support of the Ministry of Agriculture and Food Industry (MAFI).

Various FAMA marketing service

programmes that directly benefit consumers are also offered such as direct sales from farms, factories and more.

My Rakyat aims to sell quality fresh goods and groceries to the locals as well as create space and business opportunities for farmers.



ASIAH Hassim, 57, shows the frozen donuts she sells at the My Rakyat programme.



13 MAR, 2022

RM3.39 million sales from My Rakyat programme

New Sunday Tribune, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

BINTANGOR: The My Rakyat programme sales reached RM3.39 million last year. The Sarawak Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) Office said in a statement that 4,736 entrepreneurs in 146 locations nationwide took part in the programme. said this year, FAMA targeted sales of RM3.5 million from entrepreneurs in 152 locations nationwide. Meanwhile, Meradong state assemblyman Datuk Ding Koug Hiing yesterday officiated at the Meradong district level programme here.

14 MAR, 2022

Kopi Terang Bulan mula 'tawan' dunia

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2



HAZILAH Abd. Rahman (kanan) turut bergandingan dengan kumpulan pekerjaanya dalam pengeluaran pelbagai produk dihasilkan Terang Bulan. - UTUSAN/AMREE AHMAD

Kopi Terang Bulan mula 'tawan' dunia

INSPIRASI NIAGA

Oleh AMREE AHMAD
Utusan Malaysia

BERMULA hanya sebagai entri pertandingan kecil legasi pinggan keluarga, Hazilah Abd. Rahman sudah pun merancang menawan pasaran dunia dalam beberapa bulan akan datang.

Bagaimanapun, beliau ketika ditemui mengakui, pelbagai cabaran perlu ditempuhinya setelah mewarisi bisnes itu sejak 2002 dengan bermodalkan hanya RM200,000 pada masa tersebut.

"Alhamdulillah, produk Terang Bulan Food Industries (M) Sdn. Bhd. baru memebusi China pada 18 Februari lalu dengan fokus sekitar Shanghai terlebih dahulu," jelasnya penuh syukur.

Sebagai Pengarah Urusan, kejayaan ini amat bermakna walaupun sayu pencapaian itu tidak disaksikan bapanya, Allahyarham Abd. Rahman Hussain yang merintis syarikat pada 1976.

Uniknya, majlis pelepasan penghantaran awal satu kontena itu disempurnakan oleh



HAZILAH Abd. Rahman (kiri) mengibarkan bendera sebagai tanda simbolik penghantaran sulung produknya ke pasaran China baru-baru ini. - GAMBAR IHSAN FAMA

Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pulau Pinang, Mohd. Azraie Ramli.

Ia susulan kerjasama antara syarikatnya dengan agensi berkenaan yang banyak membantu memperluaskan pasaran produk usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan.

Inisiatif FAMA yang diselenggarakan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, turut memberi ruang kepada pengilang berpotensi bagi menyertai siri pameran perdagangan di

luar negara.

"Saya amat berterima kasih kepada pihak kerajaan terutama agensi tersebut yang menolok PKS untuk meneroka peluang luas pasaran di seluruh dunia selain domestik," kata Hazilah.

Meskipun masih lagi dianggap baharu, kerjasama dengan pihak FAMA pernah dipilin sebelum ini apabila agensi itu membantu mengeksport produknya ke pasaran Singapura pada 2017.

Ketika itu katanya, pelbagai produk asas tani keluaran pelbagai usahawan PKS bumiputera

Pulau Pinang dipromosikan oleh agensi tersebut dengan dijenamakan sebagai Seri Pinang.

Sehubungan itu, beliau dalam nada optimis sudah pun mengunjurkan prospek sasaran akan mampu menjual produknya pada setiap bulan antara tiga sehingga lima kontena ke China.

Perancangan jangka panjang itu ujarnya, bukan mustahil kerana jenama Guarana Cappuccino dihasilkan memang unik dengan 100 peratus organik dan banyak manfaat kepada pengguna.

Justeru, beliau berhasrat me-

mbah jentera bagi memudahkan pengeluaran di kilangnya di Bukit Mertajam, Pulau Pinang yang ketika ini disewa daripada SME Bank Malaysia Berhad.

Mentarkinya jelas beliau, walaupun pada masa ini cuma dengan ada lima pekerja, syarikat 'barat' bumiputera sepenuhnya itu mampu mengeluarkan produk selangka enam tan sebulan.

"Jumlah ini sebenarnya masih kecil kerana permintaan dari rangkaian pasar raya besar AEON BIG dan kedai Eco RM2.10 memang tinggi selain perlu bagi kekal momentum," tambahnya.

Hazilah yang mendapat bekalan kopi gred tinggi dari Vietnam dan India, merancang produk minuman segera syarikatnya memasuki kedai runcit dan pasar mini seluruh negara.

Pada masa sama, beliau sudah bersedia 'menawan' banyak negara luar antaranya India dan Nigeria selain 'mengintai' pasaran baharu di Asia Tenggara, Asia Barat dan Eropah.

Menyentuh visi masa depan, beliau tidak menolak mempelbagaikan produk bagi memenuhi permintaan pengguna yang rancam tetapi teras mengekalkan status produk halalan toyyiban.

14 MAR, 2022

Kopi Terang Bulan mula `tawan` dunia

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

INSPIRASI NIAGA

BERMULA hanya sebagai entiti perniagaan kecil legasi peninggalan keluarga, Hazilah Abd. Rahman sudah pun merancang menawan pasaran dunia dalam beberapa bulan akan datang. Bagaimanapun, beliau ketika ditemui mengakui, pelbagai cabaran perlu ditempuhinya setelah mewarisi bisnes itu sejak 2002 dengan bermodalkan hanya RM200,000 pada masa tersebut. "Alhamdulillah, produk Terang Bulan Food Industries (M) Sdn. Bhd. baru menembusi China pada 18 Februari lalu dengan fokus sekitar Shanghai terlebih dahulu," jelasnya penuh syukur.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/3/2022	HARIAN METRO	ONLINE	

MKN DICADANG AMBIL ALIH SEBAHAGIAN TANAH LKIM DI BUKIT MALUT

BERNAMA



MUHAMMAD Sanusi. FOTO Aikib NSTP

Alor Setar: Kerajaan negeri mencadangkan supaya Majlis Keselamatan Negara (MKN) mengambil alih sebahagian daripada 77 hektar tanah milik Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di Bukit Malut, Langkawi untuk dijadikan lokasi penempatan baharu penduduk yang tinggal di kawasan penempatan haram di situ.

Sehubungan itu, Menteri Besar Kedah Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor berkata, mesyuarat penyelarasan sudah pun diadakan antara MKN, Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) serta pihak yang berhasrat membangunkan penempatan baharu itu.

"Menerusi cadangan itu, daripada jumlah ini, kira-kira 24 hektar tanah LKIM akan dibuat kira-kira 1,200 kediaman baharu untuk dibeli oleh penduduk setinggan di Bukit Malut supaya hidup mereka lebih selesa dan selamat.

"Perkara ini akan diputuskan MKN untuk persetujuan sama ada tanah LKIM itu nak dibuat pengambilan secara berbayar atau diambil begitu saja atas faktor keselamatan kerana 'projek' menyusun atur penempatan golongan ini pun sudah terlalu lama, sejak tahun 1980-an lagi.

"Ini projek MKN, jadi mereka yang kena diselesaikan. Kerajaan negeri hanya membantu memudahkan dari segi susun atur, kelulusan pelan perancangan pembangunan dan sebagainya," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan peserta Misi Pendakian Everest Base Camp (EBC) di pejabatnya di Wisma Darul Aman di sini hari ini.

Sebelum ini, media melaporkan kekecewaan penduduk di perkampungan haram Bukit Malut itu terhadap kerajaan negeri yang didakwa lambat bertindak dalam menyelesaikan isu penempatan di kawasan itu yang semakin padat.

Malah, kebanyakan penduduk di situ yang mendakwa bukan pendatang asing tanpa izin (Pati) warga Myanmar, sebaliknya mereka rakyat Malaysia yang mahu diberi perhatian memandangkan mereka selama ini dipinggirkan oleh kerajaan.

Mengulas lanjut, Muhammad Sanusi berkata, kemungkinan MKN juga ada halangan tertentu namun kerajaan negeri bersedia untuk membantu memudah cara urusan berkaitan dalam usaha memberikan kehidupan yang selesa kepada penduduk di Bukit Malut itu.

"Kalau MKN kata 'okay' dan sedia untuk bangunkan kediaman itu melalui apa jua cara kewangan termasuk Inisiatif Kewangan Swasta (PFI), pembayaran berperingkat atau pembayaran kemudian, kami sedia membantu pada bila-bila masa untuk melancarkan urusan itu.

"Kami nak selesaikan isu ini secepat mungkin dan kalau tak buat semasa saya, masa akan datang belum tentu akan ada orang usahakan... saya tak ada kepentingan apa, cumanya saya nak kawasan itu teratur dan mereka dapat kediaman sama seperti orang lain di Langkawi," katanya.

Mengenai misi pendakian itu, seramai 10 peserta terdiri daripada pelbagai latar belakang termasuk pihak Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Kedah serta pasukan keselamatan selain individu Orang Kurang Upaya (OKU) kategori bisu terbabit dalam misi pendakian yang dijangka bermula hujung Mac ini.

14/8/2022

UTUSAN
MALAYSIA

EKONOMI

34

Agrobank, UiTM meterai perjanjian

SHAH ALAM: Agrobank dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dalam mendepani perkembangan mutakhir landskap pendidikan mutakhir yang semakin mencabar.

Menurut Ahli Lembaga Pengerah Agrobank, Datuk Yunos Abd. Ghani, kolaborasi yang dijalin adalah untuk membantu mengukuhkan peluang kepada kedua-dua belah pihak dari segi tenaga kerja, latihan, akademik, pertukaran pengetahuan dan kepakaran.

"Agrobank mempunyai peranan dan tanggungjawab penting untuk membina saluran tenaga kerja masa depan bagi industri perbankan dan perkhidmatan kewangan.

"Memandangkan persekitaran yang pesat berubah di mana



TENGGU Ahmad Badli Shah (depan kanan) memamerkan MoU bersama Salmiah (kiri) sambil diperhatikan Ibrahim Shah (belakang kiri) dan Yunos. - UTUSAN/ABDUL RAZAK IDRIS

bank perlu beroperasi dengan keupayaan yang optimum, tenaga kerja yang berkualiti merupakan asas kepada kejayaan ini," katanya pada majlis menandatangani MoU tersebut di Bangu-

nan Canseleri UiTM, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Lembaga Pengerah UiTM, Prof Emeqtus Tan Sri Dr. Ibrahim Shah Abu Shah, Rektor UiTM Cawangan Pulau Pinang, Prof Ts. Dr. Salmiah Kasolang serta Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin.

Tambah Yunos, UiTM sebagai pusat pengajian tinggi memainkan peranan penting dalam membangunkan saluran tenaga kerja kepada industri dan pihaknya percaya inisiatif bersama di bawah MoU tersebut mampu memberi sumbangan berharga ke arah membina ekonomi berasaskan pengetahuan.

Sementara itu, Naib Canselor UiTM, Datuk Prof Ts. Dr. Roziah Mohd., Janor dalam ucapannya yang dibacakan oleh Salmiah

berkata, sebagai sebuah institusi pengajian tinggi terbesar di Malaysia, UiTM memainkan peranan yang sangat signifikan sebagai platform pencambahan ilmu menerusi pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan keperluan semasa.

Sehubungan itu katanya, adalah penting untuk UiTM memperkasa hubungan kerjasama dengan industri dari segi reka bentuk dan penyampaian kurikulum, penyelidikan serta pembangunan pendidikan yang berterusan ke arah melahirkan graduan profesional berkualiti yang memenuhi keperluan industri.

"Kerjasama dengan institusi kewangan seperti Agrobank ini mampu memberi sumbangan berharga dan impak positif," ujarnya.

DLMI lantik SEB bina kilang tenusu baharu

Kuala Lumpur: Pengeluar tenusu terkemuka Malaysia, Dutch Lady Milk Industries Berhad (DLMI) melantik kontraktor tempatan, Seremban Engineering Berhad (SEB) sebagai kontraktor utama untuk membina kilang pembuatan produk tenusu halal baharu di Techpark, Bandar Enstek, Negeri Sembilan.

Kontrak bernilai lebih RM100 juta itu merangkumi semua kerja sivil, struktur dan seni bina yang dikendalikan SEB untuk membina kilang pembuatan produk tenusu halal baharu yang berkeluasan 13 hektar.

Kontrak itu bernilai 25 peratus daripada jumlah RM400 juta pelaburan DLMI.

Pengarah Urusan DLMI, Ramjeet Kaur Virik berkata,

DLMI teruja dengan pencapaian ini sejak 59 tahun kewujudan syarikat di Malaysia kerana ia menjadi bukti kepentingan negara selakulah tenusu halal.

“Kerja pembinaan bermula di kilang pembuatan tenusu halal baharu kami ini yang bakal membolehkan proses pembuatan dilakukan secara lebih efisien.

“Secara tidak langsung, ini menggandakan kapasiti pengeluaran kami. DLMI menyalurkan kerjasama dengan SEB kerana ia mewujudkan peluang berkolaborasi dengan rakan kongsi lain untuk membina kilang pembuatan tenusu halal masa depan Malaysia, seterusnya Mengkhasiatkan Nusa dan Bangsa untuk generasi akan datang,” katanya.



SEKUMPULAN kerbau yang dibiarkan berkeliaran oleh pemilik yang tidak bertanggungjawab di Batu Gajah baru-baru ini.

Sukar kesan siapa pemilik haiwan

IPOH - Pemilik yang lalai dan mengabaikan ternakan mereka sehingga mengundang bahaya kepada pengguna jalan raya boleh ditangkap dan dikenakan tindakan undang-undang.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Pelancongan negeri, Datuk Nolee Ashikin Mohamed Radzi berkata, pemilik boleh dikenakan tindakan mengikut Akta Kerajaan Kecil Pelesenan Haiwan Ternakan dan Haiwan Merayau (Majlis Bandaraya Ipoh) 2014.

"Mereka akan ditangkap dan dikenakan kompaun. Kita boleh ambil tindakan tetapi setiap kali kemalangan berlaku kita tidak tahu siapa pemiliknya.

"Setakat ini tiada kaedah khusus untuk mengenal pasti pemilik sebenar haiwan ternakan tetapi kita sedang memperhalusi perkara ini dengan kerjasama dengan pelbagai agensi," katanya.

Tambahnya, pihak berkuasa telah mengambil pelbagai tindakan dan penguatkuasaan, namun pemilik masih membiarkan ternakan mereka berkeliaran pada

waktu malam sehingga mengundang bahaya kepada pengguna Jalan Kampar ke Batu Gajah.

"Ia masalah yang sudah berlarutan sejak sekian lama, namun tiada penyelesaian. Pelbagai pendekatan telah diambil seperti penguatkuasaan dan berbincang dengan pemilik ternakan dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

"Bagaimanapun, kemalangan masih berlaku yang berpunca daripada haiwan ternakan yang berkeliaran pada waktu malam hingga ada yang cedera parah dan meninggal dunia," katanya.

Enam disyaki tangkap siput retak seribu ditahan

Tangkapan di sekitar Kuala Perlis susulan aduan melalui Pusat Operasi Zon Maritim

Oleh Atizat Sharif
bhnews@bh.com.my

Kangar: Enam nelayan ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Kuala Perlis selepas disyaki menangkap siput retak seribu secara haram di sekitar perairan Kuala Perlis, jumaat lalu.

Pengarah Maritim Malaysia Kuala Perlis, Komander Maritim Mohd Hashim Mat Zain berkata, semua nelayan tempatan berusia antara 21 hingga 47 tahun yang menaiki tiga bot fiber tanpa nombor pendaftaran itu, ditahan di tiga lokasi berbeza antara 0.65 hingga 1.04 batu nautika barat dari pantai Kuala Perlis.

Belian berkata, tangkapan dilakukan susulan aduan awam yang disalurkan melalui Pusat Operasi Zon Maritim Kuala Perlis berhubung aktiviti penangkapan siput jenis retak seribu di sekitar perairan terbabit.

"Susulan aduan, sebuah bot round dalam tugasan rutin menerusi Op Aman diatur gerak ke



Nelayan dari tiga bot berbeza yang ditahan APMM Zon Maritim Kuala Perlis, kelmarin. (Foto: Ihsan APMM)

lokasi tiga bot membawa masing-masing satu tekong dan seorang awak-awak itu berada, kira-kira jam 4.15 petang.

"Hasil pemeriksaan, semua bot nelayan itu disahkan berpangkalan di Kuala Perlis dan dua set sangkar besi digunakan sebagai tangkuk siput diangkar bernilai RMI,000 serta siput retak seribu seberat 80 kilogram (kg) dirampas," katanya dalam kenyataannya.

Berdasarkan pemeriksaan, beliau berkata, nelayan berkenaan dikesan mengendalikannya bot tanpa lesen sah dan melakukan kesalahan mengikut Seksyen 9(a) Akta Perikanan 1985.

"Meraka juga melakukan kesalahan mengikut Seksyen 11(3)(c) kerana memasang atau menyebabkan dipasang apa-apa belat ikan, peralatan menangkap ikan atau peranti mengumpul ikan tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perikanan Malaysia, sebelum suat lesen berkenaan dengannya dikeluarkan," katanya.

"Semua yang ditahan ternasuk bot serta hasil tangkapan siput dibawa masuk ke jeti Maritim Malaysia Kuala Perlis dan diserahkan kepada pegawai penyiasat untuk tindakan lanjut," katanya.

Mohd Hashim berkata, aktiviti

penangkapan siput di perairan Kuala Perlis menjadi satu kesalah larian berikutan Jabatan Perikanan Negeri Perlis tidak mengeluarkan sebarang jenis lesen bagi tujuan itu.

Katanya, lesen atau permit untuk aktiviti penangkapan siput hanya dikeluarkan di Kedah dengan kebenaran menjalankan aktiviti berkenaan hanya dibenarkan di perairan negeri itu.

Sebarang laporan, aduan dan mengemukakan Maritim Malaysia di talian 24 jam iaitu MERS 989 dan Pusat Operasi Zon Maritim Kuala Perlis di talian 04-9651072 atau 04-9651162.

14/3/2022

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

30

Hujan lebat berterusan jejas pengeluaran dan kualiti

Hasil harumanis merosot tahun ini

Oleh MOHD. HAFIZ

ABD. MUTALIB

hafiz.mutalib@mediamulla.com.my

ARAU: Hujan lebat berterusan kebelakangan ini menyebabkan pertumbuhan buah mempelam harumanis yang sepatutnya boleh dituai pada pertengahan April ini tertanduk sekali gus menyebabkan hasil pengusahaan merosot.

Lazimnya, sekitar Disember, harumanis mula berbunga, namun, disebabkan hujan berterusan ketika ini menyebabkan bunga rosak dan bertukar hitam mengakibatkan buah tidak menjadi atau jika berbuah kualitinya kurang memuaskan.

Bercakap kepada Utusan Malaysia, seorang pengusaha, Mohd. Zahir Md. Nazir, 32, berkata, dia menjangkakan hasil yang diperolehi musim ini hanya sekitar 900 biji berbanding tahun lalu mencecah lebih 3,000 biji membabitkan 100 pokok di kawasan seluas 0.3 hektar.

Beliau yang mengusahakan tanaman di Jawi Endon, Simpang Empat di sini berkata, hu-

berkurangan akibat hujan yang secara tiba-tiba berterusan kebelakangan ini.

"Musim lalu, pendapatan saya sekitar RM12,000, musim ini mungkin tinggal RM3,000 sahaja ekoran hasil yang merosot. Sepanjang tujuh tahun memungut hasil, musim ini hasil dijangka paling merosot teruk," katanya.

Tambahnya, proses bunga selalunya akan berlanjutan sehingga Februari atau Mac dan hasil sudah boleh dituai pada April.

Katanya, apabila bunga berwarna hitam, ia terpaksa dipotong dengan harapan akan ada bunga baru selepas itu.

"Kami berharap cuaca akan kembali elok selepas ini memandangkan sudah tidak lama lagi hasil harumanis sudah boleh dituai," katanya.

Sementara itu, Mohd. Zahir berkata, selain hasil jangka merosot, pengusaha juga berdepan masalah kenaikan harga input pertanian sebelum ini yang bakal menyebabkan pendapatan terjejas.



HASIL mempelam harumanis pada April depan dijangka merosot berikutan hujan sejak kebelakangan ini sekali gus menjejaskan pengeluaran dan kualiti buah berkenaan. - UTUSAN

jan kebelakangan ini adalah di luar jangka kerana Januari sehingga Mac lazimnya cuaca selalunya cerah dan panas. Katanya, mempelam harumanis yang sedang berbunga tidak boleh terkena hujan yang berterusan kerana ia akan menjejaskan proses pertumbuhan.

"Bulan ini hujan dilihat berterusan di saat pengusahaan sedang menanti masa menuai hasil April ini. Sedih juga apabila melihat hasil mungkin

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/3/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

KONFLIK RUSSIA-UKRAINE BERI IMPAK BESAR KOMODITI

Mac 13, 2022 @ 11:05am



Harga barangan meningkat sehingga 20 peratus berikutan masalah rantaian bekalan berpunca krisis di Ukraine -NSTP/ Aziah Azmee

KUALA LUMPUR: Konflik yang berterusan antara Russia dan Ukraine telah menyebabkan harga komoditi di seluruh dunia melonjak di tengah-tengah kebimbangan dan reaksi mendadak terhadap kemungkinan kejatuhan dari segi bekalan.

Ini kerana, kedua-dua negara adalah pengeluar utama, antara lain, minyak bunga matahari, gandum dan jagung.

Menurut Jabatan Pertanian Amerika Syarikat (USDA), Russia dan Ukraine secara bersama menyumbang 78 peratus, 29 peratus dan 19 peratus masing-masing untuk minyak bunga matahari, gandum dan jagung daripada anggaran perdagangan global 2021/22.

Justeru, apabila perang meletus, ia mencetuskan kebimbangan kemungkinan berlaku kekurangan bukan sahaja minyak masak global tetapi juga produk yang berkaitan dengan industri seperti sabun, bahan api bio dan bekalan makanan lain.

Setakat 8 Mac, harga minyak bunga matahari adalah antara AS\$2,900-AS\$3,000 setiap tan di rantau Kesatuan Eropah.

Keadaan cuaca dan faktor berkaitan COVID-19 menyebabkan gangguan yang melampau dan perang melanda tatkala keadaan dunia dilihat semakin pulih, dengan vaksinasi global mendorong kembali kepada keadaan normal.

"Kita sudah pun mengalami kerugian pengeluaran global yang teruk dalam tempoh dua tahun lalu disebabkan oleh cuaca dan faktor berkaitan COVID-19. Kini, perang Russia-Ukraine pula mencipta satu lagi gangguan mendadak dalam harga minyak bunga matahari," kata Pengarah Eksekutif ISTA Mielke GmbH (Minyak Dunia), Thomas Mielke.

Beliau berkata, terdapat kekurangan yang meruncing dan pengguna mungkin akan kehabisan bekalan tidak lama lagi.

Membandingkan harga minyak sayuran utama setakat 4 Mac 2022, Mielke berkata harga minyak kacang soya meningkat kepada AS\$1,773 satu tan tahun ke tahun daripada AS\$1,147 satu tan, minyak bunga matahari mengukuh kepada AS\$2,100 satu tan tahun ke tahun daripada AS\$1,500 satu tan manakala minyak sawit lebih tinggi kepada AS\$1,760 satu tan tahun ke tahun daripada AS\$1,010 satu tan.

Kira-kira 86 peratus daripada minyak sawit dunia kini dihasilkan di Indonesia dan Malaysia.

Di pasaran fizikal pula, harga minyak sawit mentah (MSM) Malaysia meningkat kepada RM8,400 satu tan manakala kontrak niaga hadapan MSM (FCPO) bulan semerta melonjak kepada RM8,757 satu tan.

Pada masa sama, harga kontrak FCPO bulan ketiga mencecah RM7,000 satu tan tahun ini buat kali pertama.

Kenaikan harga FCPO juga disebabkan oleh pengumuman Indonesia bahawa ia akan menaikkan obligasi pasaran domestik ke atas minyak sawit sebanyak 10 mata peratusan kepada 30 peratus (pengeluar mesti mengetepikan 30 peratus penghantaran MSM untuk pembeli tempatan).

Langkah Jakarta untuk menyekat eksport minyak sawit mulai 10 Mac dan seterusnya adalah untuk mengekang lonjakan harga minyak masak domestik.

"Permintaan untuk minyak sawit Malaysia mungkin berkurangan apabila Indonesia mula mengeksport semula dalam jumlah yang tinggi. Ini boleh berlaku dalam sekelip mata, sama seperti perang Russia-Ukraine yang menyebabkan harga tanaman menjadi lebih tinggi baru-baru ini," kata pengerusi LMC International Ltd, Dr James Fry.

Dalam pada itu, lebih daripada 250,000 pekebun kecil Malaysia boleh menikmati detik baik ini untuk seketika sebelum kebimbangan terhadap kos meningkat dan margin keuntungan menjadi kecil apabila bekalan baja turut terganggu akibat konflik kerana kedua-dua negara juga pengeksport baja utama.

"Russia mengebom sebuah kilang besar dan eksport serantau disekat; oleh itu kapasiti baja musnah. Russia, Belarus dan Ukraine adalah pengeksport baja utama dan ini akan membawa kesan besar dari segi kos pengeluaran dan ketersediaan (baja) untuk tanaman," kata Fry kepada Bernama.

Selain itu, beliau turut berpendapat bahawa konflik Moscow-Kyiv yang berpanjangan boleh menyebabkan kemelesetan dan seterusnya mengurangkan permintaan global untuk makanan.

"Ia akan berlaku perlahan-lahan dan sehingga itu, orang ramai akan cuba mengekalkan corak pemakanan mereka dan mungkin mengambil masa sebelum mereka mengurangkan makan di luar, malah memilih untuk menggunakan semula minyak masak untuk menggoreng," katanya.

Walaupun penurunan untuk permintaan makanan boleh menjadi peralihan dan berjangka pendek, perkara yang sama tidak boleh dikatakan untuk harga baja dan petrol, jelasnya.

Di Malaysia, kerajaan memberi subsidi kepada harga minyak masak dan petrol.

Buat masa ini, Fry berkata harga MSM mungkin kekal lebih tinggi sedikit untuk tempoh yang agak lama.

"Tanaman itu akan diniagakan antara AS\$1,700 dan AS\$2,100 setiap tan sehingga Julai manakala pada suku ketiga dan suku keempat, ia akan didagangkan antara AS\$1,600 dan AS\$1,800 setiap tan," unjurnya.

Menurut Niam Saw Yok, pekebun kecil yang mengusahakan kira-kira 30 hektar kawasan kelapa sawit, beliau menjangkakan harga MSM kekal pada harga tinggi semasa dan berkongsi pandangan sama dengan Fry mengenai harga baja yang semakin meningkat.

"Harga bagi 50 kilogram (kg) baja import adalah sekitar RM180 sekarang. Sebelum ini RM120. Tetapi sekarang, saya perlu mencari jenama tempatan yang berharga sekitar RM100-RM120 setiap 50 kg.

"Memandangkan saya mendapat manfaat daripada harga tanaman yang tinggi, saya masih boleh menguruskan kos dengan menggunakan jenama baja tempatan, yang sama baiknya dengan yang diimport," katanya.

Turut menyokong pendapat Fry ialah Pengarah Urusan Mydin Holdings Bhd, Datuk Wira Ameer Ali Mydin yang menyatakan harga barangan meningkat 15-20 peratus dan bukan sekadar minyak masak.

"Harga tepung juga semakin naik. Berbeza dengan minyak masak yang kita keluarkan (tempatan) dan diberi subsidi, kita import tepung dan ia tidak disubsidi dan kita boleh jangka harga tepung akan naik lagi dalam dua minggu akan datang.

"Jadi, harga roti canai dan kuih raya kita akan naik juga," katanya.

Namun begitu, katanya, Mydin iaitu rantaian runcit dan pasar raya besar halal terbesar dalam negara merancang terlebih dahulu pembelian dan kosnya, sekali gus dapat mengurangkan kesannya.

Namun bagi perusahaan kecil, mereka mungkin menghadapi masalah kos.

Pengasas EppelBakesByAmi, Hamimah Hamiz Mohamed, berkata dia pada mulanya menyerap kos tambahan, tetapi tidak mampu lagi berbuat demikian dan mungkin perlu menyalurkannya kepada pengguna.

Cara lain untuk menangani situasi ini ialah dengan memilih bahan peringkat kedua atau ketiga, yang bermaksud perlu berdepan dengan tahap kualitinya.

"Namun, saya tidak mahu mempertaruhkan kualiti kek dan kuih. Jadi, saya mungkin terpaksa menaikkan harga kerana saya tidak lagi dapat menyerap kos dan saya kluatir pesanan untuk kuih-muih/kek akan berkurangan tahun ini," kata beliau.

Pada masa ini, kerajaan memperuntukkan subsidi untuk 720,000 tan minyak masak.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, berkata kerajaan akan mengkaji semula mekanisme subsidi bahan api dan minyak masak supaya dapat dilaksanakan secara lebih bersasar kepada golongan yang memerlukan.

Menteri itu berkata, berikutan konflik antara Russia dan Ukraine, harga minyak mentah dunia meningkat secara mendadak kepada lebih AS\$100 setong, paras tertinggi sejak 2014.

Jika ia berterusan, jumlah subsidi untuk keseluruhan 2022 dijangka mencecah RM28 bilion berbanding RM11 bilion pada 2021.

-BERNAMA